

Korek sungai hadapi banjir

■ JPS diarah buat persediaan awal

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my
Putrajaya

Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat yang bermesyuarat semalam mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendalam dan melebarkan sungai sebagai persediaan awal menghadapi bencana banjir.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, jawatankuasa itu mahu JPS proaktif dalam menangani masalah berkenaan terutama membabitkan aktiviti meluaskan muara sungai, mendalamkan parit dan terusan.

Beliau berkata, Kementeri-



AHMAD Zahid dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim di mesyuarat, semalam.

rian Kewangan diharap boleh membantu mendapatkan peruntukan tambahan.

“Aktiviti berkenaan penting bagi membolehkan air banjir dialirkan segera sekali gus membolehkan mangsa banjir dipindahkan lebih awal.

“Kami menyenaraikan

kawasan dan muara sungai yang akan di dalam dan diperluaskan,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan jawatankuasa berkenaan di sini semalam.

Hadir sama Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

FOTO: AHMAD IIRHAM MOHD NOOR

pada skop pengurusan bencana yang lebih menyeluruh meliputi fasa pencegahan dan peredaran, siap siaga, pemulihan dan pembangunan semula.

Menurutnya, antara agensi utama pengurusan bencana negara di bawah Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan hospital.

“JPAM diharap mengumpul 850,000 sukarelawan bagi memudahkan operasi pemindahan mangsa banjir,” katanya.

FAKTA
Senaraikan kawasan, muara sungai diperdalam

Buka kertas siasatan

Putrajaya: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata pengakuan bertulis yang dibuat atas kerelaan sendiri bekas eksekutif PetroSaudi International, Xavier Justo Andre, menunjukkan ‘usaha secara terperinci’ untuk menggalakkan kerajaan.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata Polis Diraja Malaysia (PDRM) boleh membuka kertas siasatan terhadap individu yang dinamakan Justo dalam pengakuan bertulisnya.

“PDRM mendapat kerjasama daripada Thailand dalam membuka kertas siasatan sebelum ia diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk proses pendakwaan,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat di sini, semalam.